



**PINDAAN/ TAMBAHAN  
SENARAI BADAN PROFESIONAL/IKHTISAS  
YANG DITANGGUNG PEMBAYARAN YURAN KEAHLIAN OLEH  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) melalui Mesyuarat Bil. 1/2020 Kali Ke-233 pada 8 Januari 2020, telah meluluskan tambahan kepada Pekeliling Pendaftar Bil. 3 Tahun 2018: Garis panduan Bagi Pembayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/ Ikhtisas Universiti Malaysia Sabah.

Tambahan terbaru ini merangkumi pembayaran yuran keahlian badan profesional/ikhtisas yang diiktiraf oleh **Lembaga Teknologis Malaysia, Malaysia Board Of Technologists (MBOT)** di Universiti Malaysia Sabah.

Syarat dan tatacara pembayaran yuran keahlian badan profesional/ikhtisas yang lain tidak berubah seperti mana yang dinyatakan pada garis panduan sebelum ini. Bersama ini dilampirkan garis panduan yang dimaksudkan bersama dengan senarai terkini pembayaran yuran keahlian yang ditanggung oleh Universiti Malaysia Sabah.

Sekian. Terima kasih

A handwritten signature in blue ink, appearing to read "Shafiqah" or "Shafiqah Zahriani Yusof".

**VINA ZAHRIANI YUSOF**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 22 Jun 2020

**GARIS PANDUAN BAGI PEMBAYARAN YURAN  
KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/IKHTISAS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Bayaran balik yuran keahlian badan profesional/ikhtisas adalah berdasarkan kepada keperluan pegawai untuk menjadi ahli sesuatu badan profesional bagi melaksanakan tugas hakiki dan rasmi di bawah peraturan/undang-undang yang berkuatkuasa mengikut profesi masing-masing.
- 1.2 Kemudahan ini diberikan sebagai satu insentif kepada pegawai-pegawai dalam menyalurkan kepakaran dan kemahiran seterusnya meningkatkan kualiti dalam kerjaya.

**2.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- 2.1 Syarat-syarat kelayakan bagi menuntut pembayaran balik yuran keahlian badan profesional/ikhtisas adalah seperti berikut:
  - 2.1.1 Kemudahan pembayaran balik sekiranya pegawai berkenaan diwajibkan berdaftar dengan badan-badan profesional/ikhtisas bagi menjalankan tugas hakiki dan rasmi serta dapat mengesahkan keperluan itu dengan akta yang berkenaan;
  - 2.1.2 Keahlian badan profesional yang diambil kira dalam garis panduan ini adalah yang berkaitan dengan keperluan berikut:
    - i. Penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA)
    - ii. Keperluan program Ijazah profesional
  - 2.1.3 Tuntutan bayaran balik yuran keahlian hanya dibayar kepada SATU (1) badan profesional/ikhtisas dalam negara sahaja.
  - 2.1.4 Tuntutan bayaran balik keahlian badan profesional/ikhtisas luar negara tidak akan ditanggung oleh universiti.
  - 2.1.5 Taraf perkhidmatan pegawai yang layak menuntut adalah untuk pegawai tetap dan kontrak sahaja.
  - 2.1.6 Sekiranya tuntutan bayaran balik yuran badan profesional/ikhtisas tidak tersenarai dalam tanggungan universiti kakitangan perlu mendapatkan pengesahan daripada Ketua Jabatan bagi menentukan badan profesional/ikhtisas tersebut adalah keperluan perkhidmatan yang memberi sumbangan dan impak kepada universiti sebelum mengemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia.

## **4.0 JENIS-JENIS YURAN KEAHLIAN YANG DIBENARKAN**

- 4.1 Yuran-yuran yang boleh dituntut bayaran balik daripada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar adalah seperti berikut:
- i. Yuran Pendaftaran; dan
  - ii. Yuran Tahunan.
- 4.2 Kekerapan pembayaran yang dibenarkan adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Kekerapan Bayaran</b>
i. Yuran Pendaftaran	Sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan
ii. Yuran Tahunan	Setiap tahun

- 4.3 Bayaran lain seperti keahlian perpustakaan, langganan majalah/buletin tahunan/bulanan dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.

## **5.0 TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN**

- 5.1 Kemudahan ini diberi secara tuntutan bayaran balik yang disokong dengan resit rasmi asal yang dikeluarkan oleh badan profesional/ikhtisas yang berkenaan;
- 5.2 Kakitangan dikehendaki mengemaskini maklumat Keahlian Badan Profesional/Ikhtisas di dalam <http://staff.ums.edu.my>;
- 5.3 Pegawai mengemukakan permohonan bayaran balik yuran keahlian badan profesional/ikhtisas menggunakan (Borang Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Ikhtisas UMS) yang telah diisi lengkap dan mengemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar;
- 5.4 Bayaran balik yuran keahlian adalah bagi tahun semasa sahaja. Tuntutan bayaran balik hendaklah dibuat dalam tahun kewangan semasa dan **tidak boleh ditangguh** sehingga melangku tahun;
- 5.5 Bayaran pendahuluan bagi tahun-tahun akan datang atau bayaran tunggakan bagi tahun sebelum tidak dibenarkan;
- 5.6 Tuntutan bayaran balik berdasarkan kadar yuran sebenar sahaja; dan
- 5.7 Satu salinan sijil keahlian berserta dokumen yang berkaitan.

## **6.0 SENARAI BADAN PROFESIONAL/IKHTISAS YANG DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

<b>BIL.</b>	<b>BADAN PROFESIONAL/IKHTISAS</b>
1.	Lembaga Jurutera Malaysia
2.	Majlis Perubatan Malaysia
3.	National Specialist Register (NSR)
4.	Malaysian Dental Council
5.	Institut Akauntan Malaysia
6.	Lembaga Arkitek
7.	Majlis Veterinar Malaysia
8.	Institut Kimia Malaysia
9.	Pharmacy Board
10.	Lembaga Jurukur Bahan
11.	Lembaga Jururawat
12.	Lembaga Pembantu Hospital
13.	Institution of Engineers Malaysia (IEM)
14.	Lembaga Ahli Geologi Malaysia
15.	Institut Geologi Malaysia
16.	Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA)
17.	Lembaga Kaunselor Malaysia
18.	Institute of Internal Auditors Malaysia
19.	Institute of Marketing Malaysia
20.	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
21.	Malaysian Financial Planning Council – Registered Financial Planner (RFP)
22.	Financial Planning Association of Malaysia (FPAM) - Certified Financial Planner (CFP)
23.	Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam Malaysia (ASAS)
24.	The Association of Chartered Islamic Finance Professionals (ACIFP)
25.	International Association for Computer Information Systems (Malaysian Chapter) My AIS
26.	Malaysian Institute of Management (MIM)
27.	Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
28.	Pertubuhan Arkitek Malaysia
29.	Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia (APPM)
30.	Lembaga Teknologis Malaysia, Malaysia Board Of Technologists (MBOT)